

**SOALAN NO. 17**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YANG BERHORMAT DATUK DR. EWON EBIN [  
RANAU ]**

**TARIKH : 9 NOVEMBER 2016**

**SOALAN :**

**YB Datuk Dr. Ewon Ebin [ Ranau ] minta PERDANA MENTERI menyatakan mengambil faktor geografi dan ketidakseimbangan pembangunan, adakah pihak Kerajaan bersedia untuk menambah jumlah peruntukan Ahli Parlimen bagi negeri Sabah dan Sarawak bagi membolehkan Ahli Parlimen dari kedua-dua negeri ini untuk meningkatkan lagi pembangunan di kawasan yang mereka wakili.**

**JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan pada setiap tahun di bawah Peruntukan Khas YAB Perdana Menteri telah menyediakan sejumlah peruntukan untuk semua kawasan Parlimen di seluruh negara. Peruntukan yang disediakan ini adalah bagi pelaksanaan pelbagai program/projek kecil dan pembekalan yang merupakan *complement* dan *supplement* bagi projek-projek pembangunan di bawah Rancangan Malaysia Lima Tahun. Penyediaan dan penyaluran Peruntukan Khas YAB Perdana Menteri ini adalah di atas budi bicara dan hak *prerogative* YAB Perdana Menteri. Buat masa ini, peruntukan yang disediakan telah mengambilkira kedua-kedua faktor yang dinyatakan tersebut.

Sekian, terima kasih.